



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

#### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

19 Jamadilawal 1442 / 03 Januari 2021

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Ahad, 19 Jamadilawal 1442H bersamaan dengan 03 Januari 2021, lima belas (15) kes baru jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini yang membawa jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kepada 172 orang.

- Kesemua kes-kes baru ini adalah merupakan sebahagian daripada satu kumpulan seramai 81 orang yang telah tiba ke negara ini pada 21 Disember 2020 dari London, United Kingdom dengan menaiki penerbangan Diraja Brunei BI004.
  
- Kes 165 telah mula mengalami sakit tekak pada 31 Disember 2020 manakala kes-kes yang lain tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan. Kesemua kes-kes baru ini

sedang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi pemantauan dan rawatan. Sementara itu, pengesahan kontak (*contact tracing*) bagi kes-kes baru ini sedang giat dijalankan.

2. Dengan pengesahan kes-kes baru ini, terdapat 20 kes aktif sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Daripada jumlah tersebut, satu kes telah dimasukkan ke Unit Penjagaan Intensif bagi pemantauan dan rawatan rapi manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.
3. Dengan pengesahan kes-kes baru ini juga, sebanyak 31 kes import telah disahkan sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan pada 6 Mei 2020 yang mana dengan ini, Negara Brunei Darussalam telah mencatatkan 242 hari tanpa kes jangkitan tempatan COVID-19.
4. Pada hari ini, seramai **572** orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah

melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **10,519** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

5. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **233** sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **83,775** ujian.
6. Dengan perkembangan terbaru dan situasi global semasa pada masa ini, Kementerian Kesihatan ingin mengingatkan orang ramai untuk tidak lalai atau *complacent* dalam mengamalkan tanggungjawab sosial masing-masing.
  - Orang ramai adalah disarankan untuk mengamalkan kebersihan diri dan etika bersin yang betul.
  - Orang ramai terutamanya mereka yang mempunyai risiko seperti warga emas, ibu-ibu mengandung dan mereka yang mempunyai penyakit-penyakit kronik seperti kencing manis, pesakit buah pinggang, masalah pernafasan dan lain-lain, adalah juga digalakkan untuk memakai sungkup muka (face mask) apabila berada di tempat-tempat awam, termasuk

apabila berkunjung ke tempat-tempat perkumpulan ramai seperti pusat-pusat membeli-belah, ekspos jualan dan tempat-tempat persiaran.

- Orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk tidak keluar rumah jika merasa kurang sihat serta mengelakkan dari mengunjungi tempat-tempat yang penuh sesak.

Sebagaimana peruntukan di bawah Akta Penyakit Berjangkit (Penggal 204), orang ramai adalah dikehendaki untuk mematuhi segala peraturan dan arahan yang telah dikeluarkan dan masih berkuatkuasa semasa pandemik COVID-19 ini.

7. Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global dan akan memaklumkan kepada orang ramai mengenai sebarang perubahan mengenai situasi wabak COVID-19, jika perlu dari masa ke masa.
8. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu

www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 19 Jamadilawal 1442H / 03 Januari 2020